



DOA IKHLAS MEREDA TANGISAN

Laporan harian di www.wilayahku.com.my
dan
media sosial Wilayahku

Kongsikan info dan cerita banjir anda kepada
helme.hanafi@gmail.com



RM403 ribu Bantuan Wang Ihsan mula diagih kepada 403 keluarga

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) menerima dana Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM403,000 daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) untuk diagihkan kepada 403 keluarga yang terlibat dengan yang terjejas dengan bencana banjir, tanah runtuh dan kebakaran baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, jumlah masa terkesan dengan bencana yang direkodkan pihaknya adalah kira-kira 1100 keluarga dan pemberian BWI akan dilaksanakan secara berperingkat.

“Kita mulakan dengan kumpulan pertama kepada 46 keluarga yang merupakan mangsa bencana tanah runtuh di Kampung Palimbayan Sungai Penchala yang kini ditempatkan sementara di Pusat Penempatan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sungai Penchala yang membolehkan setiap keluarga menerima sejumlah RM1,000 wang tunai, sebelum bantuan-bantuan seterusnya diberikan,

“Mereka (mangsa) tidak perlu susah pergi ke bank, kita selesaikan pemberian wang tunai untuk kesemua penerima hari ini juga,” katanya kepada pemberita semasa program penyampaian BWI kepada mangsa tanah runtuh di Kampung Palimbayan di PPS Sungai Penchala di sini hari ini.


Hadir sama, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

BWI itu membabitkan 107 keluarga bencana tanah runtuh, 285 keluarga adalah mangsa banjir dan Kampung Chubadak Tambahan, Jalan Batu Bata, Kampung Baru dan 11 keluarga lagi merupakan mangsakebakaran di Perumahan Awam (PA) Sri Johor, Cheras.

Katanya lagi, KWP juga telah membuat permohonan tambahan kepada pihak NADMA untuk penyaluran bantuan Fasa kedua yang dianggarkan dalam RM1.3juta bagi bayaran Bantuan Wang Ihsan kepada mangsa bencana di Wilayah Persekutuan yang masih belum diberikan bantuan dalam masa yang terdekat.

Dalam pada itu, Shahidan berkata, seramai 24 mangsa rumah ranap di Kampung Palimbayan Sungai Penchala akan dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam(PA) berhampiran dalam tempoh terdekat memandangkan PPS yang digunakan perlu dikosongkan.

“Mangsa yang terlibat akan diberikan surat tawaran dalam tempoh seminggu dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang giat menyediakan unit-unit PPR dan PA untuk penempatan mereka,” katanya. - **WILAYAHKU**



MENTERI Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** (tengah) bersama **Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah** (kanan) dan **Ketua Setiausaha KWP Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar** (kiri) hadir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sungai Penchala.



MENTERI Wilayah Persekutuan **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** (dua kiri) bersama **Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah** (kiri) menyantuni mangsa tanah runtuh Jalan Palimbayan Indah ketika di melawat mereka di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sungai Penchala.



KEMENTERIAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN

LAPORAN HARIAN

MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA AGENSI

BILIK GERAKAN LAPANGAN MENTAKAB DAN TEMERLOH

28 DISEMBER 2021 (SELASA)

MISI BANTUAN BANJIR KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BILIK GERAKAN LAPANGAN_ 28 DISEMBER 2021 (SELASA)

MASA MULA OPERASI	8:00PG	KAKITANGAN PPj / SUKARELAWAN /	128
MASA TAMAT OPERASI	6:30PTG	PEKERJA PEMBERSIHAN	
JUMLAH PEMBERSIHAN			
TAMAN & KEMUDAHAN AWAM	4	SURAU	2
RUMAH WARGA EMAS	2		
JUMLAH BANTUAN BAKUL MAKANAN DAN KEPERLUAN ASAS			
RUMAH SEJAHTERA DAN WARGA EMAS	120	BILIK GERAKAN LAPANGAN	80

**JENTERA, KELENGKAPAN DAN SUKARELAWAN
BILIK GERAKAN LAPANGAN MENTAKAB/ TEMERLOH_ 28 DISEMBER 2021**

BIL	ITEM	JUMLAH
JENTERA PENGANGKUTAN		
1.	LORI	2
2.	PACUAN 4 RODA	30
3.	BOT EJIN	1
4.	FLOATER BOAT	1
5.	ENJIN SANGKUT	1
JENTERA BILIK GERAKAN		
1.	GENERATOR SET	1
JENTERA PEMBERSIHAN		
1.	WATER JET	15
2.	WATER PUMP	2
3.	HOS BIRU	3
KELENGKAPAN / PERALATAN LAIN		
1.	PETROL	5 TONG
SUKARELAWAN / PETUGAS		
1	SUKARELAWAN / PETUGAS PPj /PEKERJA PEMBERSIHAN	128 ORANG

STATUS PEMBERSIHAN MASJID DAN SURAU

BIL	MASJID / SURAU	STATUS	TARIKH	PERATUS SIAP
1.	MASJID DESA BAKTI	SELESAI	25/12/2021	100%
2.	SURAU TAMAN LANCHANG INDAH	SELESAI	25/12/2021	100%
3.	MASJID KG RAJA	SELESAI	25/12/2021	100%
4.	MASJID KG TEBAL	SELESAI	25/12/2021	100%
5.	SURAU TAMAN MENTAKAB INDAH	TIDAK DILAKSANAKAN KERANA SURAU AKAN DIROBOKKAN BAGI PEMBANGUNAN SURAU BAHARU		
6.	MASJID KG BUKIT LADA	SELESAI	26/12/2021	100%
7.	MASJID KUALA KUANG	SELESAI	26/12/2021	100%
8.	MASJID SRI SEMANTAN	SELESAI	26/12/2021	100%
9.	SURAU KG BUNTUT PULAU	SELESAI	28/12/2021	100%
10.	SURAU BATU KAPUR BAWAH	SELESAI	28/12/2021	100%

STATUS PEMBERSIHAN TAMAN DAN KAWASAN AWAM, RUMAH KEBAJIKAN DAN WARGA EMAS

BIL	MASJID / SURAU	STATUS	TARIKH	PERATUS
1.	TAMAN ESPLANADE TEMERLOH	SELESAI	26/12/2021	100%
2.	KAWASAN AWAM GERAJ MPT	SELESAI	26/12/2021	100%
3.	RUMAH SEJAHTERA KG. BANGAU	SELESAI	27 & 28/12/2021	100%
4.	PASAR AWAM PUSAT TITIK TENGAH SEMENANJUNG	SELESAI	27/12/2021	100%
5.	TAMAN TASIK BANDAR TEMERLOH	SELESAI	27& 28/12/2021	100%
6.	2 RUMAH WARGA EMAS BT. KAPUR	SELESAI	28/12/2021	100%
7.	FUTSAL KG. BUNTUT PULAU	SELESAI	28/12/2021	100%
8.	TAMAN KUBANG GAJAH			

PEMBERSIHAN TAMAN AWAM



PEMBERSIHAN SURAU & RUMAH WARGA EMAS KG. BATU KAPOR



PEMBERSIHAN SURAU & RUMAH WARGA EMAS KG. BATU KAPOR



PEMBERSIHAN RUMAH SEJAHTERA WARGA EMAS



PEMBERSIHAN PADANG FUTSAL



PEMBERSIHAN SURAU KG BUNTUT PULAU



SUMBANGAN BANTUAN BAKUL MAKANAN



BWI diperlukan kerana penduduk mahu baik pulih, bersihkan rumah secepat mungkin

KETIKA ini, kebanyakan penduduk Taman Sri Nanding di Hulu Langat yang terjejas teruk akibat banjir mengutamakan langkah membaik pulih dan membersihkan kediaman mereka secepat mungkin.

Dalam situasi sedemikian, mereka benar-benar memerlukan beberapa bantuan pasca banjir seperti Bantuan Wang Ihsan (BWI) yang diumumkan oleh kerajaan.

Seorang penduduk, Shahrul Ridzuan, 38, berkata bantuan itu sedikit sebanyak dapat meringankan bebannya kerana rumah beliau rosak teruk selepas banjir melanda kawasan perumahan tersebut minggu lepas dan orang lain juga mengalami nasib serupa.

“Saya tahu tentang bantuan BWI meskipun saya belum memohonnya kerana tidak ada masa untuk menguruskan hal lain sejak banjir berlaku.

“Buat masa ini, kami hanya bersyukur kerana terselamat dalam bencana ini walaupun kami belum menyelaras apa yang sepatutnya kami lakukan kerana semuanya terjadi dalam sekelip mata,” kata beliau yang bekerja sendiri kepada Bernama di rumahnya di sini.

Seorang lagi penduduk Taman Sri Nanding, Hamzah Hamad, 65, pula berkata beliau telah menyerahkan permohonan bagi mendapatkan BWI semalam.

“Kami bernasib baik kerana beberapa barangan kami termasuk kenderaan masih boleh digunakan namun perkara sama tidak boleh dikatakan bagi pihak kebanyakan penduduk di sini. Kami sudah membersihkan rumah selama dua hari tetapi tempoh itu belum mencukupi untuk kami mengenal pasti barangan yang terpaksa dibuang dan yang masih boleh digunakan. Justeru, kami amat menghargai BWI,” katanya.

Bernama melaporkan bahawa penyaluran BWI sebanyak RM1,000 kepada ketua isi rumah yang terjejas akibat bencana alam itu akan dilaksanakan melalui serahan tunai di Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), serahan tunai rumah ke rumah dan pemindahan tunai secara dalam talian.

Hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM34 juta untuk diagih sebagai BWI kepada 34,000 ketua isi rumah di negeri-negeri yang terjejas banjir setakat semalam.

Beliau berkata bantuan itu sudah mula diagihkan di peringkat PKOB dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

“Usaha untuk mengesan mangsa yang belum berdaftar sedang giat dijalankan oleh PKOB dan ICU-JPM,” katanya.



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (tengah) bersama Ketua Setiausaha KWP Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar (dua kiri) menyampaikan Bantuan Wang Ihsan kepada salah seorang mangsa kebakaran yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Komuniti PA Sri Johor, Cheras.



SUKARELAWAN KWP dan agensi mengagihkan bakul makanan di PKOB Bentong, Kampung Teroh, Taman Karak Indah dan Taman Wijaya.



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim (dua kanan) bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah (kanan) dan Ketua Setiausaha KWP Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar (dua kiri) menyampaikan Bantuan Wang Ihsan kepada salah seorang mangsa tanah runtuh Jalan Palimbayan Indah yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Sungai Penchala.



KETUA Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali (depan, kiri) menyantuni sambil menyampaikan sumbangan bantuan wang ihsan kepada mangsa banjir dari enam buah kampung yang terlibat di sini hari ini. Kredit foto: Bernama



KERJA-KERJA pembersihan diteruskan di kawasan yang dilanda banjir ketika tinjauan di Taman Sri Nanding. Kredit foto: Bernama



KAKITANGAN DBKL bersama-sama dengan agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan berserta peserta Pusat Transformasi Gelandangan Anjung Kelana melakukan kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan yang terjejas akibat banjir.





MISI diteruskan petang ini dengan pembersihan surau Kg. Buntut Pulau Temerloh.



LOKASI TANAH RUNTUH DI SELANGOR & KUALA LUMPUR

**SETAKAT
26 DIS
2021**

46 lokasi
dilaporkan

9 lokasi
pada tahap kritikal



Kesemua kawasan kritikal telah diambil tindakan oleh PBT berkaitan

JMG memantau secara berterusan di lokasi terlibat

PBT – Pihak berkuasa tempatan

Sumber: Jabatan Mineral & Geosains Malaysia (JMG)

LOKASI KRITIKAL



KUALA LUMPUR

📍 Kampung Palimbayan, Sungai Penchala

📍 Seri Duta 1, Taman Duta



SELANGOR

📍 Taman Nusa Subang

📍 Kampung Sepakat, Batu 16, Rawang

📍 Apartment Teratai, Selayang

📍 Jalan Saidina Hamzah, Kampung Bukit Sungai Puteh, Ampang

📍 Jalan Bunga Anggerik, Taman Melawati

📍 Jalan Haji Abdul Latif, Kampung Bukit Kapar, Klang

📍 Jalan Melati 7, Taman Seri Melati

DALAM TINDAKAN BERPERINGKAT

KUALA LUMPUR

- 📍 Taman Keramat
- 📍 Jalan Kia Peng



SELANGOR

- 📍 Taman Zooview, Ampang Jaya
- 📍 Kampung Sungai Kelambu, Banting
- 📍 Riverdale Park apartments, Ampang
- 📍 Ukay Perdana, Ulu Klang
- 📍 Jalan Wangsa 1, Ampang
- 📍 Jalan Selayang-Rawang
- 📍 Taman Melur, Ampang
- 📍 Jalan Banglo, Batu Arang

Diterbitkan: 28 Dis 2021
Infografik Bernama



HARI ke-4 team Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi Perbadanan Putrajaya menyerahkan bakul makanan ke Rumah Sejahtera Kg. Bangau Tanjung, Temerloh.



AMARAN HUJAN BERTERUSAN (WASPADA) PERINGKAT KUNING

Akibat
luruan monsun
yang sedang
berlaku

Angin dari arah
timur laut
berpotensi bawa hujan
berterusan &
angin kencang

Boleh
menyebabkan
banjir di
kawasan
rendah

**HUJAN LEBAT
DIJANGKA BERLAKU
30 DIS 2021 - 1 JAN 2022
MELIBATKAN:**

SELURUH TERENGGANU

KELANTAN:

TUMPAT	BACHOK
PASIR MAS	MACHANG
KOTA BHARU	PASIR PUTEH
JELI	KUALA KRAI
TANAH MERAH	

PAHANG:

JERANTUT	PEKAN
MARAN	ROMPIN
KUANTAN	

MERSING, JOHOR

**WASPADA BERMULA
28 DIS 2021 - 2 JAN 2022
MELIBATKAN SABAH DI:**

TAWAU

SANDAKAN

KUDAT

KOREK JANGAN TAK KOREK

Team MSWP bersama atlet-atlet, komuniti Anjung Kelana, Team DBKL dan guru-guru SJK(T) Karak bertungkus-lumus mengeluarkan lumpur dari longkang dan saluran serta mengumpulkan serpihan kayu dan sampah sarap demi sekolah tercinta.





SILAT CEKAK PUSAKA HANAFI
WORLD RECORD HOLDER
LARGEST SILAT LESSON

PERSEKUTUAN SENI SILAT CEKAK PUSAKA USTAZ HANAFI MALAYSIA

5A, Jalan 6/23e, Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur
Tel: 03-4106 2177 Fax: 03-4106 2177 Whatsapp: 013-201 2127
www.pusakahanafi.my

SIARAN MEDIA : 28 DISEMBER 2021

KERJASAMA STRATEGIK NGO DAN APM BANTU MANGSA BANJIR

26 DISEMBER 2021, BANTING – Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Malaysia (**Pusaka Hanafi Malaysia**) telah menghantar kumpulan sukarelawan dalam misi bantuan pasca banjir ke Taman Langat Utama 2, Banting. Misi bantuan ini turut mendapat kerjasama oleh beberapa buah NGO dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dari Negeri Johor.

Seramai kira-kira 40 orang sukarelawan terlibat dalam misi ini yang dibantu oleh 7 orang anggota APM. Pasukan ini telah membersihkan rumah penduduk dan membawa pelbagai barangan sumbangan berjumlah hampir 10 tan seperti pakaian, keperluan peralatan elektrik, makanan dan kelengkapan rumah yang lain untuk diberikan kepada penduduk yang terjejas.

Misi ini bertujuan membantu mangsa banjir dan pada masa yang sama ingin menunjukkan kepada semua pihak bahawa kerjasama strategik di antara NGO dan agensi Kerajaan amat penting ketika berlakunya bencana.

“NGO dan agensi kerajaan saling memerlukan antara satu sama lain. Tiada istilah NGO lebih baik dari kerajaan mahupun sebaliknya dalam usaha membantu rakyat. Misi hari ini mencapai objektifnya di atas kerjasama erat Pusaka Hanafi Malaysia dan APM”, Lt. Kolonel Bersekutu (PA) Muhammad ‘Arif Bin Ya’kub, Setiausaha Agung Pusaka Hanafi Malaysia merangkap koordinator misi bantuan.

“Ketika ini, Pusaka Hanafi Malaysia juga telah menggerakkan pasukan sukarelawan kami di beberapa buah kawasan termasuklah di Hulu Langat, Shah Alam, Klang, dan juga Bentong, Pahang bagi memberi bantuan tenaga kerja dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir”, katanya lagi.

“Kami berasa amat bersyukur dan berterima kasih di atas bantuan yang diterima. Inilah kumpulan NGO pertama yang masuk memberi bantuan selepas air surut pada petang semalam dan kawasan kediaman kami boleh diakses masuk”, Encik Mohd Afzan Norizan, wakil penduduk.

Antara NGO yang hadir dalam misi ini ialah Gabungan NGO Prihatin Johor, Persatuan Kebajikan Ekonomi Islam Melayu Bumiputera Negeri Johor, Melana Emergency Response Team, Skwad Wanita Melana Indah dan Pertubuhan Elit Group Johor.

Pihak Pusaka Hanafi Malaysia turut mengalu-alukan sumbangan berterusan masyarakat bagi membantu mangsa-mangsa banjir yang masih terkesan. Sumbangan anda boleh disalurkan terus kepada **Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Malaysia (Cawangan Selangor)** seperti maklumat yang tertera berikut:

Nama Bank : Maybank Islamic

No. Akaun : 5621 4241 9588

Rujukan : Dana Prihatin Banjir

Disediakan Oleh:

**Jabatan Komunikasi Korporat,
Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Malaysia.**

Bagi sebarang pertanyaan berkenaan program mahupun Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi Malaysia, pihak media boleh menghubungi:

Tn. Hj. Aminudin Hj. Dahlan – Naib Presiden (Komunikasi Korporat)
+6019 360 9625

Lt. Kol. Bersekutu (PA) Muhammad ‘Arif Ya’kub – Setiausaha Agung
+6012 715 2959

En. Shahril Mohd Shah – Timbalan Ketua Jabatan Komunikasi Korporat
+6010 527 2721

